



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**19 November 2019**

1. Berita Harian online

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Selasa, 19 November 2019 - 8:49AM



[Berita»Nasional](#)

Ahad,

17 November 2019

4:46pm

Dr Quaza (dua dari kiri) merasmikan Sambutan Hari Rabies Sedunia di Seremban Prima Mall hari ini.  
- Foto BERNAMA



## Wabak rabies masih terkawal

Oleh Mohd Amin Jalil

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

SEREMBAN: Wabak rabies atau penyakit anjing gila yang meragut 22 nyawa di Sarawak kini dalam keadaan terkawal, susulan pelbagai langkah diambil Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, berkata JPV Sarawak dan Sabah terus menjalankan operasi bersepada bagi mengawal penularan jangkitan rabies dalam kalangan haiwan.

Katanya, kawalan terhadap anjing tidak bertuan serta peningkatan imuniti terhadap anjing bertuan, diberikan fokus utama di negeri berkenaan.

“Sejak 2017, iaitu ketika Sarawak mula dilanda wabak rabies sehingga kini, sebanyak 140,103 daripada keseluruhan 205,000 ekor anjing sudah diperiksa status kesihatan haiwan itu dan disuntik vaksin.

“Vaksin juga turut dikenakan pada kucing sebagai langkah berjaga-jaga. Bagi tahun ini, JPV menjalankan sebanyak 11,314 penvaksinan bagi anjing bertuan di kawasan imun, bagi memastikan jangkitan rabies dapat dihindari dalam populasi anjing.

“Usaha lain yang dibuat JPV termasuk menjelaki anjing melalui perlesenan, mengadakan kempen kesedaran dalam kalangan orang awam dan kanak-kanak sekolah, berkaitan penyakit rabies,” katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019, di sini, hari ini. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Dr Marzuki Zakaria dan Pengarah JPV Negeri Sembilan, Dr Nik Hamidah Nik Husin. Mengenai langkah mengelak penyakit itu merebak ke Semenanjung, Dr Quaza Nizamuddin berkata, antara langkah diambil ialah pembentukan kawasan imun di sempadan negara berisiko, iaitu utara Semenanjung.

Beliau berkata, aktiviti dijalankan termasuk memastikan pemilik mendapatkan immunisasi terhadap anjing peliharaan mereka, selain memiliki lesen dan tidak dilepas bebas.

“Saya menggesa semua pihak, terutama pemilik anjing supaya lebih bertanggungjawab memberikan kerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha mengawal dan membasmi penyakit rabies.

“Penyakit rabies dalam haiwan, terutama anjing boleh dicegah jika semua anjing bertuan diberi suntikan imunisasi.

“Liputan perlindungan dalam anjing kawasan 70 peratus dari populasi akan dapat menghindari penyakit itu daripada merebak dan mengancam keselamatan manusia,” katanya.